



**PEKELILING EDARAN LUAR
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
BILANGAN 1/2020**

**SEMUA PENGUSAHA DAN PEMILIK KELAS LESEN BAS BERHENTI-HENTI
DI NEGERI SABAH**

**KEWAJIPAN PENGELUARAN TIKET DAN
MEMPAMERKAN JADUAL TAMBANG DI
DALAM BAS BERHENTI-HENTI**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengusaha Bas Berhenti-Henti arahan bagi mewajibkan pengeluaran tiket dan mempamerkan jadual tambang di dalam bas semasa beroperasi.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 LPKP Sabah sering menerima aduan daripada pengguna perkhidmatan Bas Berhenti-Henti bahawa pemandu bas menaikkan kadar tambang terutamanya selepas waktu kerja dan semasa cuti umum perayaan. LPKP Sabah juga telah mengeluarkan pemakluman bahawa kadar tambang bas adalah tetap dan tiada sebarang kenaikan tambang boleh dikenakan sejak kadar tambang ini dikuatkuasakan pada tahun 2009.

2.2 Sehubungan itu, Mesyuarat Lembaga Bil. 10/2019 bertarikh 25 Oktober 2019 telah bersetuju untuk mewajibkan arahan untuk mengeluarkan tiket kepada penumpang dan mempamerkan jadual kadar tambang di dalam bas semasa beroperasi.

3.0 PROSEDUR DAN SPESIFIKASI

3.1 Arahan ini terpakai kepada Bas Berhenti-Henti yang beroperasi di Negeri Sabah sahaja.

3.2 Spesifikasi tiket adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**. Syarikat atau pemilik bas perlu menyediakan tiket berdasarkan kadar yang terpamer di dalam jadual tambang.

3.3 Pengusaha Bas Berhenti-Henti juga adalah diwajibkan untuk mempamerkan jadual tambang mengikut laluan sedia ada selaras Seksyen 19 (i)(iv) Akta LPKP 1987 (Akta 334). Jadual tambang berkenaan boleh didapati di kaunter LPKP Sabah.

3.4 Jadual tambang perlu ditampal berdekatan dengan pintu masuk penumpang. Sekiranya tiada permukaan rata dalam badan bas yang boleh memuatkan jadual tersebut, pemilik atau syarikat perlu memastikan satu 'plat' rata dibina untuk mempamerkan jadual tambang berkenaan.

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Arahan bagi mengeluarkan tiket kepada penumpang dan mempamerkan jadual tambang Bas Berhenti-Henti **berkuat kuasa pada 1 Mac 2020**.

5.0 PENUTUP

5.1 Pekeliling ini terpakai kepada kenderaan bagi kelas lesen Bas Berhenti-Henti yang beroperasi di Negeri Sabah sahaja.

5.2 Sebarang kemusykilan mengenai perkara ini hendaklah dirujuk kepada Ibu Pejabat LPKP Kota Kinabalu, Sabah.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(**ARPAN BIN JULIAN**)

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah


Januari 2020

s.k.

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sabah
Ketua Jabatan Siasatan & Penguatkuasaan Trafik Negeri Sabah
Ketua Cawangan LPKP Sandakan
Ketua Cawangan LPKP Tawau

LAMPIRAN A


MUKA HADAPAN TIKET



*Size tiket ditentukan oleh syarikat / pemilik sendiri

LAMPIRAN B

MUKA BELAKANG TIKET



*Size tiket ditentukan oleh syarikat / pemilik sendiri